

1,800 lelaki ditahan

Pihak berkuasa India tangkap lelaki kahwini gadis bawah umur

Agensi

New Delhi

Lebih 1,800 lelaki ditangkap di seluruh negeri Assam di timur laut India kerana berkahwin atau mengatur perkahwinan dengan gadis bawah umur ketika kerajaan tempatan melancarkan tindakan keras yang berterusan. Undang-undang untuk berkahwin di India ditetapkan berusia 18 tahun, tetapi peraturan itu sering dilanggar.

Penangkapan itu mungkin berterusan dalam beberapa hari akan datang, menyasarkan individu seperti ulama Islam dan pen-

deta Hindu yang membantu mendaftarkan perkahwinan sedemikian di masjid dan kuil.

Ketua Menteri Assam, Himanta Biswa Sarma berkata, polis akan diberi kuasa untuk menahan individu terbabit dalam amalan perkahwinan kanak-kanak sejak tujuh tahun lalu.

"Saya meminta polis Assam untuk bertindak dengan semangat toleransi sifar terhadap jenayah yang tidak boleh diampunkan dan keji terhadap wanita," kata ketua menteri itu dalam satu ciapan di Twitter.

Kerajaan negeri sebelum ini mengumumkan akan membuat penahanan di bawah undang-undang persekutuan India.

Ini termasuk Akta Per-

indungan Kanak-Kanak daripada Kesalahan Seksual (Pocso) yang boleh digunakan untuk lelaki yang mengahwini gadis di bawah umur 14 tahun manakala mereka yang berkahwin dengan gadis berumur 14 hingga 18 tahun boleh ditangkap di bawah Akta Larangan Perkahwinan Kanak-Kanak.

Perkahwinan itu akan disyiharkan tidak sah, dan jika seorang lelaki didapati berumur di bawah 14 tahun, dia akan dihantar ke rumah reformasi, kata pihak berkuasa akhir bulan lalu.

Polis merekodkan 4,004 kes perkahwinan kanak-kanak dalam tempoh kurang dua minggu.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), India adalah rumah kepada bilangan pengantin kanak-kanak terbesar di dunia iaitu sekitar 223 juta.

Dalam laporan 2020, agensi kanak-kanak PBB Unicef berkata, sekurang-kurangnya 1.5 juta gadis bawah umur dikahwinkan setiap tahun di India.

"Perkahwinan kanak-kanak adalah sebab utama di sebalik kehamilan kanak-kanak, yang seterusnya bertanggungjawab terhadap kadar kematian ibu dan bayi yang tinggi," kata Biswa Sarma kepada pemberita.

INDIA melarang perkahwinan pasangan di bawah umur 18 tahun.

